**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
# 17 JUN 2019 (ISNIN)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Sinar Harian** | |
| - Tapak pembuangan sampah haram ancam penduduk | 19 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**
**17 JUN 2019 (ISNIN)**

| | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Tapak pembuangan sampah haram ancam penduduk |
| Muka Surat | 19 |

# Tapak pembuangan sampah haram ancam penduduk

SH 17/6/19 M/S 19.

**KUALA LUMPUR**-Lebih 1,500 penduduk di Taman Kinrara Mas menderita bau busuk akibat tapak pembuangan sampah haram yang wujud di kawasan perumahan itu.

Lebih teruk ada penduduk mengalami masalah kesihatan berikutan keadaan semakin hari semakin buruk apabila air dari sisa pembuangan sampah haram tersebut telah mengalir hingga ke kawasan semak berhampiran perumahan mereka.

Penduduk, **OL.Law**,45, aduan telah dibuat kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) namun keadaan tidak berubah.

"Bau ini bukan bau sampah biasa, sebaliknya daripada tapak pembinaan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

"Pernah 20 hingga 30 buah lori datang buang sampah di sini dalam tempoh beberapa bulan, mereka kata pindahkan sampah walhal bukan pindah sebaliknya mereka ratakan sampah tersebut jadi sisanya sudah masuk ke dalam tanah. Bila hujan air meresap dalam tanah dan menghasilkan bau busuk.

Penduduk, **M.Ananthan**, 44, berkata paling membimbangkan terdapat beberapa penduduk mengalami alahan akibat sampah ini.

"Ada beberapa penduduk mengalami masalah berkaitan paru-paru manakala kanak-kanak sering mengalami selesema," katanya.

Katanya, penduduk merayu agar Menteri Tenaga Air dan Komunikasi Yeo Bee Yin dan Ahli Parlimen Seputeh Teresa Kok mengambil tindakan bagi mengatasi isu berkenaan.




Penduduk mengadakan bantahan secara aman mendesak agar isu berkaitan pencemaran tapak sampah haram diselesaikan segera.